

'Terserah kepada saya buat keputusan'

BH - 22/11/2019 m/s: 4

Putrajaya: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, terserah kepada beliau untuk membuat keputusan bagi sebarang perubahan apabila membabitkan rombakan Kabinet, termasuk menteri mana patut digugurkan.

Perdana Menteri berkata, sesiapa sahaja boleh memberikan pendapat mereka berhubung kemungkinan berlaku rombakan Kabinet.

"Orang boleh menyatakan pendapat mereka sendiri tetapi saya akan buat keputusan sekiranya ia dipersetujui oleh lima parti yang membentuk pakatan ini," katanya selepas merasmikan prapelanjaran Sidang Kemuncak Kua-

la Lumpur 2019, di sini, semalam.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Timbalan Presiden PAS, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man yang menyarankan Menteri Kewangan, Lim Guan Eng antara menteri yang perlu digugurkan sekiranya Dr Mahathir mahu merombak Kabinet.

Tuan Ibrahim sebelum itu dilaporkan berkata, kenyataan Guan Eng yang sering menyalahkan kerajaan lama walaupun PH mengambil alih kerajaan hampir dua tahun, adalah antara sebab

Menteri Kewangan itu patut ditukar.

Kelmarin, Dr Mahathir membayangkan mengenai kemungkinan rombakan Kabinet dilakukan susulan kekalahan PH dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjung Piai, Sabtu lalu.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata keputusan mengenainya "tidak akan dibuat hari ini atau esok".

Pengumuman Perdana Menteri itu dilihat sebagai peringatan kepada anggota Kabinet sedia ada untuk meningkatkan prestasi mereka dan sebagai langkah memulihkan kembali imej kerajaan.



Keratan akhbar BH semalam.